

TAKLITA BUTERI ENTERPRISE SDN
BHD
CMBUATAN JUBAH TEKSTIL

RANCANGAN PERNIAGAAN
ADAS MELAKSANAAN (EIR 300)

TAKHTA PUTERI ENTERPRISE

ISI KANDUNGAN

	Surat Penyerahan	
	Penghargaan	
	Sekapur Sireh	
	Perjanjian perkongsian	
	Logo dan Keterangan	
1.0	Pengenalan.....	1
2.0	Tujuan.....	2
3.0	Latar belakang Syarikat.....	3- 6
4.0	Latar belakang pemilik rakan kongsi.....	7- 11
5.0	Rancangan Organisasi.....	12
5.1	Matlamat dan strategi organisasi.....	13 - 14
5.2	Struktur organisasi	15
5.3	Diskripsi tugas.....	16 - 28
5.4	Senarai kakitangan pengurusan.....	29
5.5	Imbuhan balas jasa dan insentif.....	30 - 32
5.6	Perancangan , keperluan dan susunatur pejabat.....	33 - 34
5.7	Carta Organisasi.....	35
5.8	Lokasi Syarikat.....	36
6.0	Rancangan Pemasaran.....	37
6.1	Analisis pemasaran.....	37 - 43
6.2	Ramalan jualan.....	44 - 47
6.3	Rancangan pemasaran.....	48 - 51
6.4	SWOT analisis.....	52
6.5	Belanja pemasaran	53
7.0	Rancangan Operasi.....	54
7.1	Barangan yang dikeluarkan.....	54
7.2	Matlamat operasi.....	54
7.3	Proses pengeluaran.....	55 - 57
7.4	Kapasiti pengeluaran.....	58
7.5	Rancangan pengeluaran.....	59
7.6	Senarai peralatan.....	60 - 61
7.7	Bahan mentah	62 - 65
7.8	Tenaga pekerja.....	66 - 67
7.9	Belanja operasi.....	68 - 69
8.0	Rancangan Kewangan.....	70
8.1	Kos perlaksanaan projek.....	71 - 72
8.2	Sumber pembiayaan projek.....	73
8.3	Jadual bayaran balik bayaran berpenggal.....	74
8.4	Jadual bayaran ansuran sewa beli.....	74 - 75
8.5	Jadual susut nilai.....	75 - 78
8.6	Penyata perkilangan.....	79 - 81
8.7	Penyata perdagangan untung dan rugi.....	82 - 87
8.8	Performa penyata aliran wang tunai.....	88 - 89
8.9	Penyata kunci kira-kira.....	90 - 95

Lampiran

TAKHTA PUTERI ENTERPRISE

1.0 PENGENALAN

TAKHTA PUTERI ENTERPRISE merupakan sebuah syarikat perkongsian yang terletak di Taman Cheng Jaya, Mukim Cheng Melaka.

Kami mengambil inisiatif membuka sebuah perniagaan yang menawarkan pakaian wanita Islam atau dikenali sebagai Busana Muslimah ini ekoran daripada berkembangnya syiar Islam di Malaysia. Dengan permintaan yang semakin meningkat, ianya menguatkan usaha kami untuk menghasilkan ciptaan-ciptaan eksklusif bagi hasil pengeluaran syarikat ini.

Walaupun ianya bergelar Busana Muslimah namun kami tidak menghadkan pemakaiannya kepada wanita-wanita Islam semata-mata tetapi ianya boleh juga dipakai oleh sesiapa yang berminat.

Nilai-nilai komersial yang dilhamkan pada pakaian kami ini mempunyai prospek untuk maju walaupun ianya bukan pakaian tradisi negara ini.

Menyedari akan kurangnya bumiputera yang menceburi bidang ini dan ianya mempunyai potensi untuk berkembang maju, kami telah mengambil langkah untuk menceburi perniagaan ini dan seterusnya mengkomersilkan jenis pakaian ini .

Perkembangan perniagaan ini akan dibantu oleh lokasi strategik yang mampu menjamin permintaan yang tinggi terutamanya daripada golongan wanita-wanita Islam dan ibu-ibu yang mengandung.

TAKHTA PUTERI ENTERPRISE mementingkan mutu, kekemasan, keselesaan dan keanggunan. Konsep perniagaan kami selain memperolehi keuntungan adalah untuk mendapatkan keberkatan Ilahi, Insya Allah.

TAKHTA PUTERI ENTERPRISE

2.0 TUJUAN

Tujuan penyediaan Rancangan Perniagaan ini adalah sebagai garis panduan bagi kami menjalankan projek kami dari segi perancangan untuk menilai daya maju projek yang bakal dijalankan secara objektif, kritikal dan praktikal. Ia juga meningkatkan lagi penglibatan bumiputera di dalam bidang perniagaan akan tercapai.

Rancangan perniagaan ini juga disediakan untuk kami merancang, menyusun dan mengatur strategi dalam mencari pasaran. Ia juga dapat memastikan segala kegiatan dan keperluan yang dikehendaki oleh perniagaan kami.

Selain itu, ianya dihasilkan sebagai anggaran belanjawan untuk mendapatkan kemudahan jangka panjang bagi tambahan modal dan membiayai projek yang akan dijalankan kelak.

Rancangan Perniagaan ini juga membantu kami mengesan dan mengetahui kelemahan dan kekurangan syarikat kami. Dengan itu langkah-langkah bagi mengatasinya dapat dilakukan dengan segera.

Selain itu ianya juga adalah pendedahan terawal sebelum kami menceburi bidang perniagaan. Pendedahan awal ini penting bagi kami dalam memberi daya fikir yang kreatif dan inovatif, daya saing yang mantap disamping serta semangat juga pengalaman bagaimana sesuatu perniagaan itu boleh bertapak.

TAKHTA PUTERI ENTERPRISE

3.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT

- 3.1 Nama Syarikat : *TAKHTA PUTERI ENTERPRISE*
- Alamat Syarikat : Akan Diusahakan
- Alamat Surat- Menyurat : -Sda-
- No. Telefon : Akan Diusahakan
- Bentuk syarikat : Perkongsian
- Kegiatan Utama : Perniagaan Busana Muslimah
- Tarikh Mula Perniagaan : 1 Januari 1999
- Tarikh Pendaftaran : 1 Jun 1998
- Modal Permulaan : RM 91,002